

## RANCANGAN PENDIDIKAN PEMBACA

oleh

Tunku Noraidah Tuanku Abdul Rahman \*

### Pengenalan

Selain dari memperolehi, memproses dan menyediakan bahan-bahan bagi menampung kursus-kursus yang diajar di Universiti ini, suatu lagi fungsi Perpustakaan yang amat penting ialah mendidik pengguna-pengguna Perpustakaan terutama pelajar-pelajar cara-cara yang sistematik mencari maklumat dan menggunakan koleksi Perpustakaan dengan sepenuhnya.

Cara-cara yang digunakan oleh Perpustakaan untuk mendidik pelajar-pelajar adalah seperti berikut:

- i) Penerangan secara individu jika pelajar menghadapi sesuatu masalah;
- ii) Haluan Perpustakaan yang merupakan lawatan ke beberapa bahagian dan koleksi penting di Perpustakaan bagi pelajar-pelajar baru;
- iii) Penerangan melalui buku-buku panduan, nota-nota, petunjuk-petunjuk yang diletakkan di tempat-tempat tertentu; dan
- iv) Penerangan 'formal' berkumpulan.

Rancangan pendidikan pembaca secara 'formal' telah dikendalikan bagi pelajar-pelajar tahun kedua dan ketiga Rancangan Pengajian Asia Tenggara dari 13 hingga 25 September tahun ini. Ini merupakan kali yang pertama rancangan seperti ini diadakan untuk pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini.

### Cara Dikendalikan

Kami telah bekerja rapat dengan Pengerusi dan pensyarah-pensyarah kursus tersebut dalam melaksanakan rancangan ini. Pelajar-pelajar tahun kedua seramai 56 orang dibahagikan kepada 4 kumpulan seramai 14 pelajar tiap kumpulan manakala pelajar-pelajar tahun ketiga seramai 78 orang dibahagikan kepada 5 kumpulan seramai 16 pelajar bagi tiap kumpulan.

Rancangan pendidikan pembaca ini dikendalikan secara tutorial selama tiga jam setengah. Nota-nota untuk membantu pelajar-pelajar juga diberikan. Di samping itu, kami juga menggunakan transparensi dan 'overhead projector' supaya penerangan yang kami berikan menjadi lebih jelas lagi.

Rancangan ini dibahagikan kepada 4 bahagian seperti berikut:

- i) Teknik mencari maklumat.  
Pelajar-pelajar diberitahu langkah-langkah yang patut diambil dalam usaha mencari maklumat seperti mendefinisikan topik yang diselidiki, menggunakan istilah-istilah dan rangkaian perkataan dalam definisi itu sebagai titik permulaan dalam mencari maklumat, menggunakan katalog-katalog untuk mendapatkan butir-butir mengenai buku-buku dan menggunakan indeks dan abstrak bagi artikel-artikel dsb, menggunakan sumber-sumber lain untuk mendapatkan maklumat seperti persatuan-persatuan profesional, organisasi-organisasi penyelidikan.
- ii) Cara menggunakan katalog-katalog Perpustakaan.  
Perbezaan katalog pengarang/tajuk dan katalog perkara ditekankan. Ini difikirkan perlu kerana mengikut pengalaman kami, ramai pelajar didapati tidak tahu bila katalog pengarang/tajuk dan bukan katalog perkara perlu digunakan dan juga sebaliknya. Berbagai bentuk nama pengarang persendirian, pengarang perbadanan dan terbitan berkala yang terdapat dalam katalog juga diterangkan. Kami menyediakan sebuah alat membaca mikrofis dan teknik menggunakan katalog COM dipertunjukkan. Beberapa pelajar juga telah cuba menggunakanannya.

\*Pustakawan Perkhidmatan Pembaca, Perpustakaan Universiti Malaya.

- iii) Bahan-bahan rujukan.  
Penerangan mengenai jenis maklumat yang boleh didapati dari bahan-bahan rujukan seperti almanak, ensiklopedia, buku panduan, biografi, bibliografi, katalog yang diterbitkan, penerbitan badan kerajaan dan badan berkanun, panduan kepada terbitan berkala, indeks dan abstrak diberikan. Bahan-bahan rujukan yang relevan bagi kursus ini ditunjukkan (edarkan) kepada pelajar-pelajar semasa tutorial tersebut. Pelajar-pelajar juga diajar secara terperinci bagaimana mendapatkan maklumat dari beberapa indeks dan abstrak.
- iv) Cara merekod sumber-sumber rujukan dan nota kaki (footnotes).  
Kami berpendapat bahawa cara ini perlu diajar kerana setengah pelajar didapati tidak mengikuti satu gaya merekod sumber-sumber rujukan dan nota kaki yang diterima dalam latihan dan esei mereka.

### **Maklumbalas dari Pelajar-Pelajar**

Tiap pelajar yang menyertai rancangan ini dikehendaki mengisi borang soalselidik. Melalui soalselidik ini, kami harap untuk mendapat pandangan pelajar-pelajar mengenai beberapa aspek rancangan tersebut.

99.1% dari pelajar-pelajar berpendapat bahawa rancangan ini akan membantu mereka dalam mencari maklumat secara sistematis dan menggunakan koleksi Perpustakaan dengan lebih efektif. Beberapa pelajar juga menyatakan bahawa setelah mengikuti rancangan pendidikan pembaca ini, mereka boleh mendapatkan rujukan yang lebih kini. Hanya 0.9% tidak pasti akan faedah rancangan ini.

17.8% dari pelajar-pelajar yang sedar akan manfaat rancangan ini menyatakan bahawa rancangan ini sepatutnya diadakan semasa mereka berada di tahun pertama. Pendapat ini diutarakan terutamanya oleh pelajar-pelajar tahun ketiga yang menyatakan rasa kesal kerana rancangan ini tidak diadakan untuk mereka lebih awal lagi. Beberapa pelajar berpendapat bahawa rancangan ini sepatutnya diadakan semasa mereka dalam tahun kedua.

Berhubung dengan jangkamasa rancangan ini, 73.4% menyatakan bahawa jangkamasa ini bersesuaian. Bagi pelajar-pelajar iaitu 18.6% yang menganggap bahawa sessi tersebut terlalu panjang, mereka berpendapat yang rancangan itu akan menjadi lebih efektif jika dibahagikan kepada beberapa sessi yang lebih singkat. Dengan cara ini, mereka akan lebih dapat menumpukan fikiran mereka kepada penerangan yang diberikan.

71.7% dari pelajar-pelajar mendapati bahawa satu atau beberapa aspek rancangan tersebut mengelirukan mereka manakala yang lain, iaitu 28.3% memahami seluruh rancangan tersebut.

Semua pelajar memahami keterangan mengenai penggunaan katalog kad. 13.3% tidak memahami sepenuhnya bagaimana menggunakan katalog COM. Ada yang mengesyorkan supaya pelajar-pelajar diajar seorang demi seorang. Pengajaran secara individu ini tidak mungkin dilakukan oleh kerana kesuntukan masa. Tambahan pula, kami telah memberitahu bahawa jika mereka masih sukar menggunakan katalog COM ini, mereka boleh menghubungi kami di Bahagian Perkhidmatan Pembaca atau Encik Sham bin Ismail, yang bertugas di Dewan Katalog.

16.8% dari pelajar-pelajar mengalami kesulitan memahami penjelasan mengenai cara mencari maklumat.

Sebilangan besar pelajar pula iaitu 44.2% masih tidak pasti bagaimana hendak menggunakan indeks dan abstrak. Ada yang mencadangkan supaya lebih masa diberikan untuk menerangkan penggunaan bahan-bahan ini.

Hanya 18.0% sahaja yang tidak memahami sepenuhnya cara merekod sumber-sumber rujukan dan nota kaki.

Berbagai lagi syor telah diberikan oleh pelajar-pelajar mengenai aspek-aspek rancangan ini yang patut ditukar atau ditambah. Beberapa pelajar mencadangkan supaya bilangan peserta dalam tiap kumpulan dikurangkan. Walaupun kami telah menetapkan bilangan maksimum untuk sesuatu kumpulan, oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan pelajar-pelajar telah memasuki kumpulan-kumpulan lain. Dengan itu, terlalu ramai pelajar didapati dalam beberapa kumpulan.

9.8% dari pelajar-pelajar telah juga mengesyorkan supaya eksensis secara praktik diberikan kepada mereka untuk membantu mereka dalam memahami perkara-perkara yang telah diterangkan.

Sebilangan besar dari pelajar-pelajar iaitu 94.7% berpendapat bahawa tutorial seperti ini lebih bermanfaat dari lawatan ke Perpustakaan. Walaubagaimana pun, 14.3% dari pelajar-pelajar ini mencadangkan supaya lawatan diadakan selepas tutorial tersebut.


### **Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, pelajar-pelajar Rancangan Pengajian Asia Tenggara ini telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap rancangan pendidikan pembaca ini. Kritik dan komen yang mereka berikan menggambarkan keinginan

mereka untuk mengetahui dengan mendalam lagi. Secara ideal, rancangan pendidikan pembaca ini mesti dibahagikan kepada beberapa sessi yang lebih pendek dan tidak dikendalikan dalam satu tutorial yang panjang. Dengan cara ini, pelajar-pelajar diperkenalkan secara perlahan kepada perkara-perkara yang sangat baru dan asing bagi mereka. Kerja-kerja praktik menggunakan katalog-katalog dan bahan-bahan rujukan juga dapat diberikan supaya pelajar-pelajar akan lebih memahami perkara-perkara yang telah diterangkan. Kami juga akan dapat menilai kesan rancangan tersebut ke atas pelajar-pelajar. Maklumat ini seterusnya dapat digunakan untuk memperbaiki lagi rancangan tersebut. Di setengah institut pengajian tinggi di seberang laut, rancangan pendidikan pembaca dimuatkan ke dalam kursus sebagai unit yang diuji. Dengan cara ini, pelajar-pelajar akan mengikuti rancangan tersebut dengan lebih serius.

Pada pendapat kami, sebilangan besar pelajar-pelajar mendapati beberapa aspek rancangan pendidikan pembaca ini sukar difahami kerana terlalu banyak perkara baru yang diajarkan dalam masa yang sangat singkat. Tetapi keadaan seperti itu tidak dapat dielakkan kerana pelajar-pelajar tersebut sangat sibuk dengan kursus mereka dan tidak dapat meluangkan masa untuk mengikuti suatu rancangan pendidikan yang panjang. Kami juga mengalami kesukaran dalam menguruskan waktu-waktu yang sesuai bagi rancangan tersebut yang tidak bercanggah dengan kursus mereka.

Walau pun kami tidak dapat memberikan satu ujian penilaian, yang dapat kami lakukan, untuk mengetahui se-tak mana penerangan yang telah diberikan dapat membantu pelajar-pelajar ini dalam mencari maklumat, ialah dengan menyuruh mereka mengisi satu lagi soalselidik. Kami harap akan dapat melaksanakannya sedikit masa lagi.



#### **Perpustakaan menawarkan buku-buku berikut dengan percuma kepada sesiapa yang berminat**

1. U.S. Library of Congress. *Library of Congress Catalog 1950–1954: Books: Subjects.* 5 vols.
2. U.S. Library of Congress. *Library of Congress Catalog 1960–1964: Books: Subjects.* 25 vols.
3. U.S. Library of Congress. *Library of Congress Catalog 1965–1968.* 17 vols.

Sila berhubung dengan Tunku Noraidah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca.

#### **Majalah-majalah kini**

Encik Eddy Yeoh, Pustakawan Majalah, sedang menyusun sebuah senarai dupliket majalah-majalah kini. Sesiapa yang berminat, sila berhubung dengan beliau.